

27/10/2001

Pendirian Malaysia mengenai Afghanistan langkah terbaik

KUALA LUMPUR, Jumaat - Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia (Suhakam) menyifatkan pendirian kerajaan berhubung serangan Amerika Syarikat ke atas Afghanistan, adalah pendekatan terbaik dalam suasana sekarang.

Pengerusinya, Tan Sri Musa Hitam, berkata pendirian Malaysia membantah serangan itu adalah pendekatan sederhana, yang dapat mengelak negara daripada terjerumus dalam sebarang tindakan tidak rasional.

"Kita adalah umat Islam yang terpelajar yang mampu bertindak secara rasional. Kita tidak harus menjadi mangsa kepada emosi melampau," katanya berucap pada majlis Sembang-Sembang yang dianjurkan oleh Persatuan Anak Johor di sini, malam ini.

Malaysia sebelum ini menggesa Amerika Syarikat menyelesaikan isu Palestin dalam usahanya memerangi keganasan antarabangsa ekoran serangan 11 September terhadap New York dan Washington.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, berkata dengan berbuat demikian ia akan mengurangkan perasaan kecewa dan marah di kalangan dunia Islam.

Malah, Malaysia tidak melihat serangan di New York dan tindak balas Amerika Syarikat di Afghanistan sebagai perbalahan antara negara Islam dengan sistem Barat atau pertembungan tamadun.

Musa berkata, untuk mengelak pertembungan, usaha menjelaskan Islam kepada masyarakat bukan Islam perlu dipertingkatkan.

Pada masa yang sama, katanya, masyarakat Barat perlu memberi kebebasan, termasuk kepada rakyatnya yang beragama umat Islam agar mereka mempunyai rasa tanggungjawab bersama.

"Hak untuk membangun, hak mendapat peluang pendidikan, hak menikmati kemajuan ekonomi perlu diagihkan secara adil.

"Jika tidak umat Islam yang menganggap diri mereka tertindas dan kerana dinafikan hak itu akan terus berjuang untuk mendapat hak mereka," katanya sambil menyifatkan Malaysia sudah memulakan pengagihan secara adil itu sejak mencapai kemerdekaan.

(END)